

١- كتاب الوحي

(1) Kitab Wahyu

١- باب كيف كان بدء الوحي إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم وقول الله عز وجل إنا أوحينا إليك كما أوحينا إلى نوح والتين من

بعده

1- Bab Bagaimana Permulaan (Datangnya) Wahyu Kepada Rasulullah S.A.W.² Dan (Bab) Firman Allah S.W.T. "Sesungguhnya Kami Telah Menurunkan Wahyu

yang memberi ma'na ma'rifah kepada sesuatu isim yang dimasukinya boleh digabungkan bersama "Lam Ta'rif". (6) Kerja atau 'amal haraf jar sebelumnya yang dibuang tetap dikekalkan. Kerana itulah orang 'Arab berkata: الله لا فعلن كذا. Perkataan الله tetap dimajurkan meskipun dibuang "wau" haraf qasam sebelumnya. الرحمن الرحيم Dua perkataan ini merupakan sighthah mubalagah. Tetapi ma'na الرحمن lebih mendalam daripada ma'na الرحيم. Ini disebabkan oleh lebihnya huruf pada perkataan الرحمن berbanding perkataan الرحيم. Kata 'ulama' Ilmu Ma'ani: زيادة المبنى تدل على (lebihnya huruf dalam sesuatu perkataan menunjukkan kelebihan ma'nanya). Sesetengah 'ulama' berpendapat الرحمن ialah zat yang memberi rahmat di dunia dan di akhirat, sementara الرحيم pula ialah zat yang memberi rahmat di akhirat semata-mata. Sebahagian 'ulama' yang lain pula berpendapat الرحمن ialah Tuhan yang mengurniakan ni'mat yang besar-besar dan الرحيم ialah Tuhan yang mengurniakan ni'mat yang kecil-kecil dan seni. al-A'lam (Yusuf bin Sulaiman bin 'Isa asy-Syantamari al-Andalusi m.476H) dan Ibnu Malik berkata: الرحمن dan الرحيم sebenarnya adalah 'alam bukan sifat musytaq. Barangkali pendapat mereka berdasarkan riwayat daripada 'Abdur Rahman Bin 'Auf seperti berikut: حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ وَسَعِيدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْمَخْزُومِيُّ قَالَا: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ قَالَ اسْتَشْكَيْتُ أَبَا الرَّدَادِ اللَّيْثِيَّ فَعَادَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ فَقَالَ خَيْرُهُمْ وَأَوْصَلُهُمْ مَا عَلِمْتُ أَبَا مُحَمَّدٍ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنَا اللَّهُ وَأَنَا الرَّحْمَنُ خَلَقْتُ الرَّحْمَ وَشَقَقْتُ لَهَا مِنْ اسْمِي فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلَتْهُ وَمَنْ قَطَعَهَا بَنَتْهُ وَفِي الْبَابِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ وَابْنِ أَبِي أَوْفَى. وَغَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَجُبَيْرِ بْنِ مُطْعَمٍ قَالَ أَبُو عِيْسَى حَدَّثْتُ سُفْيَانَ عَنْ الزُّهْرِيِّ حَدِيثَ صَحِيحٍ. Sebabnya kenapa tidak disebutkan langsung sifat jalal di dalam Basmalah, malah apa yang disebut hanyalah dua sifat jamal yang mengandungi ma'na rahmat iaitu الرحمن dan الرحيم ialah berdasarkan firman Allah berikut: إِنَّ رَحْمَتِي غَلَبَتْ dan juga firmanNya di dalam hadits qudsi berikut: رَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ. Basmalah diakhiri dengan الرحمن untuk mengisyaratkan kepada kesudahan yang baik di akhirat nanti adalah untuk orang-orang mu'minin dan muttaqin.

² Sebagaimana telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam muqaddimah sebelum ini bahawa tajuk-tajuk Imam Bukhari mengandungi maksud-maksudnya yang tersendiri dan maksud-maksud tersebut boleh difahami dengan mengkaji dan meneliti usul-usulnya. Antara kitab terbaik yang membincangkan tajuk-tajuk kitab Sahih Bukhari ialah kitab صحيح البخاري

karangan Syeikh al-Hadits Maulana Muhammad Zakariyya al-Kandhlawi. كيف كان بدء الوحي (Bab bagaimana permulaan datangnya wahyu kepada Rasulullah s.a.w.). **Pembukaan kitab Sahih al-Bukhari yang unik.** Seperti telah kita Bincangkan sebelum ini bahawa antara ciri khusus yang terdapat di dalam kitab Sahih Bukhari ialah adanya ma'na isyarat pembuka (براعة الافتتاح) di dalam tajuk atau hadits setiap permulaan bab atau kitabnya dan ma'na isyarat penutup (براعة الاختتام) di dalam tajuk atau hadits setiap penutup bab atau kitabnya. Contohnya di dalam Kitab Wahyu, di dalam tajuk pertamanya ada perkataan permulaan iaitu "Bagaimana permulaan wahyu" dan di dalam hadits yang terakhirnya terdapat perkataan "akhir", iaitu: فكان ذلك آخر شأن هزقل (Begitulah akhirnya keadaan Hercules). Perkataan-perkataan yang dijadikan isyarat kepada penutup tersebut tidak semestinya dalam bentuk perkataan "akhir" sahaja, tetapi Imam Bukhari juga membawa perkataan-perkataan yang mempunyai ma'na penyudah yang lain seperti tamat, mati dan sebagainya. Tujuan beliau membawakan isyarat permulaan dan penyudah tersebut ialah mengingatkan dirinya sendiri dan para pembaca kitabnya agar sentiasa tidak lupa kepada asal usul manusia yang datang daripada Allah dan kepadaNya jualah pasti mereka akan kembali. Ia juga bermaksud menyedarkan kita bahawa setiap yang hidup ada permulaan dan penghujungnya kecuali Allah s.w.t. yang tidak ada awal dan akhirnya. Dengan isyarat pembuka dan isyarat penutup itu beliau juga mahu mengingatkan para pelajar agar sentiasa memikirkan apakah permulaan bagi sesuatu perkara yang ingin dilakukan dan apakah kesudahan atau natijah daripada perbuatan tersebut. Imam Bukhari berbeza sama sekali daripada pengarang-pengarang kitab-kitab hadits yang lain kerana beliau telah memulakan kitabnya dengan perbincangan tentang wahyu. Tidak dinafikan bahawa setiap pengarang kitab hadits memang mempunyai maksud tersendiri di sebalik pemilihan bab pertama di dalam kitab-kitab mereka masing-masing. Imam Abu Daud, Nasaa'i dan Tirmizi misalnya memulakan kitab-kitab mereka dengan Kitab at-Thaharah. Justeru sembahyang adalah rukun agama terpenting dan kesahihannya terhenti atas Thaharah. Selain itu perkara pertama yang disoal di dalam kubur ialah tentang thaharah dan perkara pertama yang disoal di Mahsyar nanti ialah tentang sembahyang, maka mereka memulakan kitab masing-masing dengan kitab thaharah. Imam Ibnu Majah memulakan kitab Sunannya dengan Ittiba' as-Sunnah, kerana jika Sunnah Nabi s.a.w. dan Sunnah Kahulafa' Ar-Rasyidinnnya tidak diikuti niscaya segala macam bid'ah akan meresapi agama dan seterusnya rupa bentuk agama akan terhapus, di samping asas agama pula akan terancam. Demi menjaga kesucian agama Imam Ibnu Majah membuka kitabnya dengan bab Ittiba' as-Sunnah. Oleh kerana para sahabat merupakan orang-orang yang bertanggung-jawab dalam menyebarkan Sunnah Nabi s.a.w. dan mereka pula disuruh Baginda di dalam sabda-sabdanya yang berbunyi: ليبلغ الشاهد الغائب bermaksud: "Hendaklah orang yang hadir di kalangan kamu menyampaikan kepada yang tidak hadir." ليليني منكم أولو الأحلام والنهي bermaksud: "Hendaklah orang-orang yang bijaksana dan cerdik di antara kamu mengiringiku (berada dekat di belakangku ketika bersembahyang), maka kerana itulah Imam Ibnu Majah membuat bab Manaqib Sahabat selepas bab Ittiba' as-Sunnah. Ini kerana jika para sahabat diragui dan dipertikaikan, niscaya agama yang dibawa mereka juga akan diragui dan dipertikaikan. Imam Muslim berpendapat Isnad merupakan penentu untuk mengetahui sama ada sesuatu riwayat itu boleh diterima atau tidak. Berdasarkan Isnad juga para 'ulama' hadits memutuskan sama ada sesuatu hadits itu bertaraf sahih, dha'if atau maudhu'. Lantaran kedudukan isnad yang amat penting itulah maka Ibnu al-Mubarak pernah berkata: الإسناد من الدين ولولا الإسناد لقال من شاء ما شاء Bermaksud: "Isnad itu sebahagian daripada ugama. Jika tidak ada isnad, niscaya

akan berkatalah orang yang akan berkata apa yang mahu dikatanya. Melihat kepada betapa pentingnya isnad dalam menjaga kesucian agama maka Imam Muslim memulakan kitabnya dengan perbincangan tentang isnad sebelum menyentuh soal-soal yang lain. Imam Malik pula memulakan kitab Muwattha'nya dengan waktu-waktu sembahyang fardhu. Ini kerana sembahyang fardhu adalah rukun terpenting agama, tetapi ia mestilah ditunaikan pada waktu-waktu tertentu, maka semestinyalah waktu-waktu sembahyang itu diketahui terlebih dahulu. Waktu-waktu sembahyang fardhu itu menjadi istimewa dan perlu diutamakan daripada yang lain-lain kerana keistimewaan sembahyang fardhu itu sendiri. Itulah sebabnya Imam Malik mengutamakan perbincangan tentang waktu-waktu sembahyang daripada perbincangan-perbincangan yang lain. Mungkin juga Imam Malik bermaksud menyatakan kepentingan masa dalam kehidupan manusia yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa jua yang ber'aqal fikiran. Allah sendiri selalu bersumpah dengan menyebut masa-masa tertentu untuk menarik perhatian manusia kepada kepentingan masa dalam kehidupan mereka. Apabila Imam Malik memulakan kitabnya dengan perbincangan tentang waktu-waktu sembahyang bererti Imam Malik mahu menyatakan bahawa antara waktu atau masa yang paling berguna dan berharga buat manusia ialah waktu dan masa sembahyang fardhu mereka. Imam Ahmad telah menyusun kitab haditsnya yang sangat masyhur itu dalam bentuk Musnad. Di dalam kitab musnad seseorang pengarang akan mengemukakan hadits-hadits yang diriwayatkan oleh seseorang sahabat secara berasingan tidak kira apa pun topiknya. Apa yang penting ialah segala riwayatnya (sejauh yang diketahui pengarang) akan diletakkan di satu tempat dan ini tentunya akan memudahkan pembaca untuk mengetahui hadits-hadits seseorang sahabat. Tetapi Imam Ahmad bermaksud lebih dari itu lagi, kerana beliau terlebih dahulu mengemukakan hadits-hadits riwayat Abu Bakar, kemudian hadits-hadits 'Umar, kemudian hadits-hadits 'Utsman dan seterusnya mengikut tertib keutamaan sahabat pada pandangan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah. Ini sekali gus menunjukkan 'aqidah pengarang itu sendiri, di samping menunjukkan juga peranan dan jasa para sahabat dalam menyampaikan amanah Nabi s.a.w. kepada umat. Imam Bukhari pula berbeza daripada pengarang-pengarang yang lain, sama ada yang mendahului beliau atau yang sezaman dengannya. Beliau memulakan kitab Sahihnya dengan Kitab Wahyu. Imam Bukhari mempunyai hujjahnya yang tersendiri. Bagi beliau segala petunjuk dan pedoman adalah berpunca daripada wahyu. Oleh sebab itulah beliau memulakan kitab Sahihnya dengan tajuk penurunan wahyu, kerana semua perkara atau maklumat sebagaimana yang dibentangkan oleh para Imam yang lain pada hakikatnya berpunca daripada wahyu Allah s.w.t., termasuk hadits Baginda s.a.w. Ini berma'na sumber semua ajaran agama, termasuk soal ibadat, mu'amalaat dan lain-lainnya adalah wahyu Allah s.w.t. Bacalah kitab hadits mana sekalipun, anda hanya akan dapat menyelami haditsnya sahaja. Apabila anda membaca kitab Sahih Bukhari, apa yang terbentang di hadapan anda adalah keseluruhan agama yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Justeru tujuan sebenar Imam Bukhari ialah untuk mengarang sebuah kitab yang menjadi panduan dan pedoman dalam agama, bukan sekadar kitab yang mengumpulkan hadits semata-mata. Hakikat inilah yang mendorong Maulana Banoori, pengasas Jami'ah al-'Uloom al-Islamiyyah Karachi (tempat di mana penulis pernah menimba ilmu hadits) berkata: *إن البخاري أراد أن يصنف كتابا في الدين قبل أن يصنف كتابا في الحديث* Bermaksud: "Sebenarnya Imam Bukhari bermaksud menulis sebuah kitab tentang agama lebih daripada maksudnya menulis sebuah kitab hadits." Demikianlah cerita guru penulis Mufti Wali Hassan Khan semasa beliau mengajarkan Sahih al-Bukhari kepada kami dahulu. **Kemudian timbul pula**

kemusykilan, mengapakah Imam Bukhari menggunakan ungkapan “Bagaimana permulaan wahyu” di dalam tajuknya, yang menunjukkan seolah-olah كيف di sini bertanyakan tentang keadaan permulaan wahyu. Sedangkan sekiranya hadits-hadits yang berada di bawah tajuk ini diperhatikan, kandungan-kandungan haditsnya tidak menggambarkan keadaan permulaan wahyu kecuali hanya satu hadits sahaja, iaitu hadits yang ketiga yang menceritakan bagaimana Nabi s.a.w. didatangi Malaikat Jibril ketika sedang beribadat di dalam Gua Hira’. Jadi ia menimbulkan persoalan kerana tajuk yang diletakkan oleh Imam Bukhari seolah-olahnya tidak menepati kandungan hadits-hadits di bawahnya. Atau dengan kata yang lain, kandungan hadits tidak menepati kehendak tajuk. Contohnya, hadits pertama menceritakan tentang niat orang-orang yang berhijrah. Sedangkan peristiwa tersebut tidak berlaku di permulaan Nabi s.a.w. mendapat wahyu. Begitu juga dengan hadits yang kedua, di mana Nabi s.a.w. telah ditanya tentang bagaimana keadaan wahyu itu datang dan jawapan Baginda kepada pertanyaan tersebut tidak menggambarkan penurunan wahyu yang pertama sahaja. Berhubung dengan kemusykilan tentang ketidaktepatan tajuk dengan hadits-hadits yang tersebut di bawahnya, para ‘ulama’ pengkaji Sahih Bukhari telah menyimpulkan beberapa jawapan hasil daripada kajian dan perbincangan mereka tentangnya. Antara jawapan tersebut ialah: (1) Perkataan بَدْءُ yang bermaksud permulaan di dalam tajuk di atas, bermakna wahyu itu sendiri. Jawapan ini ditarik daripada perbincangan ilmu Nahu, di mana perkataan بَدْءُ الْوَحْيِ merupakan gabungan إِصْطَفَاهُ بَيَانِيَّةً dengan erti بَدْءُ itu bermakna wahyu itu sendiri. Maka ia seharusnya diaqdirkan begini: كيف كان الوحي الي رسول الله Ertinya, “Bagaimanakah keadaan wahyu datang kepada Rasulullah”, ia bukan bererti permulaan wahyu. Jadi perkataan بَدْءُ itu tidak diterjemahkan maknanya. Kerana tujuan ia dimasukkan oleh Imam Bukhari ke dalam tajuknya itu hanyalah semata-mata untuk memenuhi *iltizamnya* sahaja, iaitu mengisytarkan kepada permulaan di setiap permulaan babnya. Namun pendapat ini disangkal oleh mereka yang mengatakan bahawa tidak mungkin tokoh agung seperti Imam Bukhari sengaja meletakkannya tanpa memaksudkan apa-apa. (2) Permulaan wahyu bukanlah turun kepada Nabi s.a.w. sahaja. Kerana sebelum itupun nabi-nabi yang lain sudah menerima wahyu masing-masing. Tetapi setelah Nabi Isa a.s. wafat, penurunan wahyu telah terhenti setelah sebelumnya zaman wahyu tidak pernah terputus. Jadi maksud permulaan penurunan wahyu di sini ialah permulaan penurunan semula wahyu setelah ia terputus sekian lama. Jadi perkataan “Permulaan” di sini bukannya bererti wahyu yang mula-mula diterima oleh Nabi s.a.w. Wahyu kali ini adalah istimewa dan berbeza daripada wahyu-wahyu sebelumnya. Di mana ia boleh dianggap sebagai “kelahiran semula” wahyu menggantikan wahyu-wahyu sebelumnya. (3) Maksud “Bagaimana permulaan wahyu” boleh diperincikan lagi kepada: a- كيف atau keadaan yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari di sini bukanlah terbatas kepada keadaan wahyu itu sahaja, tetapi merangkumi keadaan-keadaan di sekitarnya seperti keadaan peribadi Nabi s.a.w. sendiri selaku penerima wahyu, keadaan tempat, masa dan penerimaan masyarakat setempat, iaitu merangkumi كَيْفِيَّةٌ حَالِيَّةٌ, كَيْفِيَّةٌ زَمَانِيَّةٌ dan كَيْفِيَّةٌ مَكَانِيَّةٌ. Ini bererti بَدْءُ atau permulaan yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari tidaklah bermaksud permulaan wahyu sahaja. Sebaliknya ia merangkumi permulaan-permulaan yang lain termasuklah dari segi tempat, masa, masyarakat, permulaan tindakan Nabi s.a.w. dalam memulakan misi dakwahnya dan sebagainya. b- Wahyu yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari di sini bukanlah terbatas kepada wahyu al-Qur’an sahaja. Kerana selain al-Qur’an, terdapat lagi wahyu-wahyu lain termasuklah hadits. Di dalam al-Qur’an Allah berfirman:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكْلِمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَآيَ حِجَابٍ أَوْ يُرْسَلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ مُّبِينٍ

Bermaksud: Dan tidak mungkin bagi seseorang manusia bahwa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan perantaraan wahyu (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari belakang tabir (dengan mendengar sahaja kalam Ilahi tanpa melihatNya), atau dengan mengutus utusan (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana. (as-Syura:51). Ayat ini menegaskan bahawa terdapat tiga saluran wahyu yang Allah s.w.t. gunakan untuk berhubung dengan nabi-nabinya. al-Qur'an diturunkan melalui saluran wahyu yang ketiga iaitu melalui malaikat Jibril a.s. yang menyampaikannya kepada Nabi s.a.w. Ia bukan diterima Rasulullah s.a.w. secara langsung daripada Allah s.w.t. Para 'ulama' bersepakat mengatakan ketiga-tiga sumber yang tersebut di dalam ayat di atas merupakan wadah-wadah atau saluran-saluran wahyu yang berasingan. Jadi apakah yang dimaksudkan dengan 'wahyu' sepertimana yang disebut sebagai saluran yang pertama di dalam ayat di atas? Sudah tentulah tidak ada jawapan yang lain yang lebih tepat dan sesuai untuknya selain hadits. Dalam usaha membezakan wahyu, Imam Bukhari telah membahagikan wahyu kepada dua kategori sebagaimana yang diistilahkan oleh 'ulama' sebagai: الوحي المتلو dan الوحي غير المتلو. Iaitu wahyu yang dibaca dan wahyu yang tidak dibaca. Yang dimaksudkan dengan wahyu yang dibaca ialah al-Qur'an, kerana ia dibaca di dalam sembahyang dan diganjarkan pahala bagi setiap hurufnya yang dibaca. Yang dimaksudkan dengan wahyu yang tidak dibaca pula ialah al-hadits. Ia tidak dibaca di dalam sembahyang, meskipun membacanya dikira sebagai ibadat juga. Dalam menegaskan lagi bahawa hadits juga merupakan wahyu, al-Qur'an sendiri telah menjelaskannya melalui dua ayat berikut:

وَمَا يَنْطِقُ عَنْ آهْوَى ۚ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى ۚ

Bermaksud: dan tiadalah dia (muhammad) mengucapkan (sesuatu berhubung dengan ugama Islam) menurut hawa nafsunya. (3) Apa yang diucapkannya itu (sama ada al-Quran atau hadits) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. (4) (an-Najm:3-4). **Cara Penurunan Wahyu.** Penurunan wahyu juga berlaku dengan pelbagai cara. 'Ulama' telah mengumpulkan empat puluh enam cara atau bentuk wahyu diturunkan. Walau bagaimanapun kesemua cara tersebut tidak akan terkeluar daripada tiga cara utama sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat di atas tadi. Antara cara dan bentuk penurunan wahyu kepada para nabi ialah: (1) Melalui mimpi atau الوحي المنامى iaitu wahyu ketika tidur, di mana para nabi a.s. mendapat wahyu melalui mimpi. Mimpi-mimpi Nabi s.a.w. sendiri misalnya adalah tepat dan benar-benar berlaku sebagaimana yang diperlihatkan kepada Baginda. Ini bererti para Nabi a.s. tidak semestinya menerima wahyu dalam keadaan sedar sahaja. Contoh lain yang dapat dikemukakan ialah perintah yang sangat besar pernah diterima Nabi Ibrahim a.s. juga melalui mimpi. Di dalam mimpi Allah s.w.t. memerintahkan Baginda a.s. agar menyembelih Isma'il anaknya. Sekiranya mimpi itu bukan wahyu, sudah tentu nabi Ibrahim tidak akan menyembelih putera kesayangannya Isma'il. (2) Ilham atau الوحي النفس في الروح iaitu dengan cara Allah s.w.t. mengilhamkan sesuatu kepada seseorang nabiNya, lalu nabi itu mengolah apa yang diterimanya dan mengungkapnya dengan bahasa sendiri. Keadaannya lebih kurang sama dengan seseorang yang mendengar sesuatu ungkapan dalam bahasa tertentu yang difahaminya dan mengungkapnya kembali dalam bahasa lain kepada orang-orang yang tidak memahami bahasa asal ungkapan tersebut. Saluran wahyu berupa hadits-hadits Rasulullah s.a.w. adalah melalui cara ini. Hakikatnya ialah Allah s.w.t. meniupkan wahyu tersebut ke dalam hati nabiNya tanpa perantaraan malaikat, lalu nabi itu mengolah dan